

**SESI LIBAT URUS BERSAMA KERAJAAN NEGERI PAHANG  
PENYEDIAAN RANCANGAN MALAYSIA KEDUA BELAS,  
2021-2025 (RMKe-12)**

**TRANSKRIP UCAPAN MUKADIMAH OLEH  
YB DATO' SERI MOHAMED AZMIN ALI  
MENTERI HAL EHWAL EKONOMI**

**16 OGOS 2019  
BILIK GERAKAN  
WISMA SRI PAHANG, PAHANG**

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh

Salam sejahtera

**Yang saya hormati**

**Yang Amat Berhormat Dato' Sri Haji Wan Rosdy bin Wan  
Ismail**

Menteri Besar Negeri Pahang

Yang Berhormat Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri  
Pahang

**Yang Berhormat Dato' Sri Dr. Sallehuddin bin Ishak**

Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang

**Yang Berbahagia Dato' Dr. Noor Zari Hamat**

Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar), Kementerian Hal Ehwal  
Ekonomi

Ketua-Ketua Jabatan di peringkat negeri dan Jabatan  
Persekutuan

Tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati.

1. Alhamdulillah saya panjatkan rasa syukur kerana pada pagi ini, saya dapat bersama-sama dengan YAB Dato' Sri Menteri Besar dan pimpinan tertinggi Kerajaan Negeri untuk melihat bagaimana kita dapat merencana Rancangan Malaysia Kedua Belas yang sedang giat dijalankan dan ini satu usaha yang murni dan saya menyambut baik sikap keterbukaan YAB Dato' Sri Menteri Besar untuk menerima kehadiran Kementerian Hal Ehwal Ekonomi dalam menjalankan tanggungjawab ini.
2. Seperti yang telah dinyatakan ini adalah pendekatan baru, politik baru, politik nilai yang mengeneipkan ideologi politik kumpulan dan kelompok kerana walaupun saya dan Dato' Sri mempunyai aliran yang berbeza dari segi kefahaman politik tetapi kita mempunyai matlamat yang sama iaitu untuk memberikan khidmat yang terbaik kepada rakyat Negeri Pahang dan akhirnya mengangkat martabat dan maruah kita sebagai rakyat Malaysia, rakyat Negeri Pahang dan terus membangunkan Negeri Pahang.
3. Penggubalan Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12) pada pagi ini, melakar satu sejarah kerana dokumen ini dihasilkan melalui sesi libat urus, temu tembung atau

*engagement* antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri.

4. Amalan sebelum ini, proses ini hanya berjalan di peringkat Persekutuan tanpa mengambil kira senarai keutamaan pemegang taruh ataupun di peringkat Kerajaan Negeri. Namun saya berpandangan dan berbincang dengan pegawai-pegawai Kementerian, kita harus turun ke bawah, mendengar sendiri, apakah pandangan, cadangan dan maklum balas daripada Kerajaan Negeri, kerana mungkin Kerajaan Negeri mempunyai senarai keutamaan yang berbeza dengan pandangan di peringkat Persekutuan.
5. Maka kita telah melakukan anjakan paradigma di mana kita beranjak daripada pendekatan *top-down planning* kepada perancangan yang disertai oleh semua pemegang taruh dan sudah tentulah Kerajaan Negeri ini merupakan salah satu pemegang taruh yang amat penting dalam menggubal dokumen Rancangan Malaysia Kedua Belas.
6. Saya mengucapkan terima kasih kepada YAB Dato' Sri dan seluruh pimpinan Kerajaan Negeri Pahang yang telah melibatkan diri secara langsung dalam perbincangan dan wacana kita pada pagi ini.

7. Pendekatan baharu ini pastinya dapat memastikan perancangan Persekutuan dan juga perancangan pembangunan di peringkat negeri dapat diselaraskan dan diujarkan bagi mencapai objektif Wawasan Kemakmuran Bersama di samping memenuhi aspirasi rakyat Negeri Pahang.
8. Kerajaan Negeri Pahang disaran agar dapat menstrukturkan semula ekonomi bagi membolehkan kesenjangan ekonomi antara kelas pendapatan, wilayah dan kaum dapat dirapatkan dan manfaat pembangunan negeri dapat dinikmati oleh semua rakyat.
9. Sebagai negeri yang terbesar di Semenanjung Malaysia, Negeri Pahang mempunyai potensi meningkatkan sumbangan kepada ekonomi Malaysia. Kini Pahang mencatatkan KDNK berjumlah RM56.2 bilion pada tahun 2018 dengan sumbangan ekonomi Pahang kepada KDNK sebanyak 4.1%.
10. Melalui pelaksanaan Pelan Induk Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER) 2.0 yang merangkumi 2018 hingga 2025, Kerajaan Persekutuan berganding bahu dengan Kerajaan Negeri bagi menjana pertumbuhan ekonomi yang rancak di

Negeri Pahang. Pelan ini menyasarkan pelaburan swasta berjumlah RM31 bilion, mencipta 52,550 pekerjaan dan melahirkan 23,090 orang usahawan di Negeri Pahang.

11. Pencapaian ini didorong dengan peningkatan *connectivity* antara Pantai Timur dengan Pantai Barat. Oleh itu, Kerajaan Persekutuan mengambil keputusan untuk membangunkan semula Projek Laluan Rel Pantai Timur (ECRL) dengan kos sebanyak RM44 bilion setelah siri rundingan yang paling rumit dan berjaya menjimatkan RM20 bilion.
12. Di bawah Rancangan Malaysia Kedua Belas, Kuantan berpotensi untuk dibangunkan sebagai hab pengangkutan dan logistik termasuk Lapangan Terbang Sultan Haji Ahmad Shah, Pelabuhan Kuantan serta kawasan-kawasan perindustrian di Pantai Timur bagi menambah nilai kepada projek ECRL.
13. Pelaksanaan projek ECRL pastinya mengukuhkan kedudukan Pelabuhan Kuantan di Rantau ASEAN dan Asia Pasifik kerana dapat dihubungkan terus dengan Pelabuhan Klang melalui jalan darat. Lokasi Pelabuhan Klang yang strategik dengan akses langsung ke Laut China Selatan telah meletakkannya sebagai satu komponen penting dalam

*Belt and Road Initiative* (BRI) yang dipimpin oleh Republik Rakyat China.

14. Bagi menyediakan akses terus dari kawasan Taman Industri MCKIP (Malaysia-China Kuantan Industrial Park) ke Pelabuhan Kuantan dan Lebuhraya Pantai Timur 2, Kerajaan Pusat telah meluluskan peruntukan berjumlah RM462.4 juta untuk membangunkan Bandar Pelabuhan Kuantan (KPC).
15. Fasa terakhir projek ini dijangka selesai pada awal tahun 2020 dan berpotensi menarik pelaburan swasta berjumlah RM20 bilion dan mencipta 9,380 pekerjaan.
16. Kerajaan Persekutuan memandang serius masalah gangguan bekalan air tidak berjadual yang mengganggu operasi industri khususnya di Negeri Pahang.
17. Maka, seperti yang telah ditegaskan oleh YAB Dato' Sri Menteri Besar sebentar tadi, pada bulan Julai yang lalu YAB Perdana Menteri telah meluluskan lima projek infrastruktur yang bernilai RM637 juta bagi mengatasi isu bekalan air khususnya bagi kegunaan industri di Negeri Pahang.

18. Sebentar tadi saya mengadakan perbincangan ringkas dengan YAB Dato' Sri Menteri Besar, semasa jamuan sarapan pagi dan beliau menyatakan sebelum saya dibenarkan untuk makan, perlu meneliti satu lagi permohonan peruntukan bekalan air di kawasan perindustrian Gebeng, Kuantan.
19. Ini berhubung cadangan penyaluran air dari Terengganu ke Pahang yang melibatkan pemasangan paip sepanjang 35 kilometer dari tangki Bukit Kolam di Kemaman ke kawasan perindustrian Gebeng, Kuantan. Dan ianya akan melibatkan pemasangan pam penggalak 50MLD dan kos dianggarkan RM115 juta.
20. Saya akan meneliti permohonan ini, pada dasarnya perkara ini telah pun dibincangkan dalam Mesyuarat ECER, yang diketuai dan dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri dan kita bersetuju supaya Kerajaan yang bertanggungjawab untuk menyediakan infrastruktur dan bukan dibebankan kepada pihak industri.
21. Dan perkara ini telah pun dibincang dan diputuskan dalam mesyuarat berkenaan. Dan saya akan merujuk kepada



Kementerian untuk menyediakan peruntukan sebanyak RM115 juta bagi Negeri Pahang. InsyaAllah.

22. Sebagai pemangkin pertumbuhan kepada daerah-daerah untuk dibangunkan sebagai bandar satelit, RM4.28 bilion telah pun diperuntukkan untuk projek laluan Central Spine Road (CSR) dari Bentong ke Kuala Lipis sepanjang 160.8km yang dijangka siap pada tahun 2023.
23. Pastiya projek ini akan membawa manfaat yang besar kepada sektor pelancongan negeri di mana Pahang merupakan antara 5 negeri yang teratas menerima kunjungan pelancong antarabangsa.
24. Libat urus antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Pahang akan menerokai eko-pelancongan di Pahang bagi memanfaatkan keindahan alam semula jadi serta membuka peluang ekonomi kepada komuniti tempatan.
25. Selaras dengan hasrat YAB Perdana Menteri, sektor pertanian perlu suntikan baru melalui pendekatan memaksimakan ekonomi bidangan ataupun *economies of scale* dengan memberi tumpuan kepada pengenalan hasil bernilai tinggi dan teknik perladangan pintar.

26. YAB Perdana Menteri telahpun mengupas panjang dan mencerakinkan model baharu, industri perladangan khususnya yang melibatkan tanah-tanah FELDA, FELCRA dan RISDA yang hari ini menghadapi masalah harga komoditi yang merundum. Harga kelapa sawit pada hari ini adalah pada kadar RM1,900 per matrik tan dan sudah tentu peneroka menghadapi masalah yang amat besar bagi menampung keluarga mereka.
  
27. Justeru itu, Kerajaan telah mencadangkan supaya model baharu diperkenalkan di mana kita mahu keizinan daripada peneroka-peneroka dan peserta supaya digabungkan tanah-tanah mereka. Kita tidak berhasrat untuk mengambil tanah tersebut tetapi menggabungkan tanah-tanah ini menjadi estet-estet yang besar dan diuruskan secara profesional supaya dapat meningkatkan produktiviti dan pada masa yang sama kita juga telah mencadangkan sebahagian ladang-ladang ini tidak ditanam semula dengan kelapa sawit dan getah kerana untuk mendapatkan hasil kelapa sawit ianya memerlukan masa yang panjang di antara enam hingga tujuh tahun.
  
28. Dalam tempoh tersebut, Kerajaan terpaksa membiayai bantuan sara hidup dan pendahuluan hasil di mana setiap

bulan kita terpaksa menyediakan RM50 juta khusus untuk peneroka FELDA bagi menyediakan bantuan sara hidup dan sudah tentulah kos ini amat membebankan dan tidak memberi jaminan masa depan untuk peneroka-peneroka FELDA.

29. Kita mencadangkan supaya sebahagian di antara ladang ini ditanam tanaman kontan seperti nanas, kelapa, sayur-sayuran, bunga supaya ianya dapat dikutip hasil lebih awal, lebih *sustainable* dan apabila berlakunya kejatuhan harga komoditi ini peneroka FELDA dan peserta FELCRA masih mempunyai hasil pendapatan setiap bulan melalui hasil tanaman kontan.
30. Hari ini negara mengimport bahan makanan lebih RM50.1 bilion. Sementara negara kita ini, Alhamdulillah negara yang subur, cuaca yang baik, tidak berlaku gempa bumi ataupun gunung berapi. Mengapa kita tidak mengambil peluang ini untuk menerokai sektor agromakanan dengan lebih agresif.
31. YAB Perdana Menteri telah menyatakan dalam perbincangan dalam lawatan kita ke China, mereka mempunyai 1.4 bilion rakyat tetapi mereka tidak mengimport

makanan. Kita baru 32 juta rakyat, negara yang makmur, cuaca yang baik. Kita mengimport RM50.1 bilion dan antara bahan makanan yang diimport adalah cili, halia, sayur, bunga, kubis yang boleh kita tanam dalam negara kita.

32. Semalam saya di Negeri Terengganu. Harga cili api yang dibawa masuk daripada Thailand satu kilo RM40.00. Sedangkan cili padi pun kita boleh tanam di belakang rumah.
  
33. Mengapa rakyat kita tidak dilatih dan diberikan kemahiran dengan teknologi baharu samada AI (*artificial intelligence*), *drone*, *robotic automation* untuk menceburkan diri dalam pertanian pintar dan perladangan pintar. Kerana hasil pendapatannya jauh lebih besar, lebih terjamin dan lebih *sustainable* untuk peneroka-peneroka FELDA kerana mereka mempunyai *land bank* yang paling besar dalam negara kita pada hari ini.
  
34. Jadi model ini perlu ditekankan, khususnya oleh Kerajaan Negeri Pahang kerana kita tahu kawasan FELDA di Negeri Pahang ini adalah antara yang paling besar dan perlu kita manfaatkan tanah-tanah ini untuk terlibat dalam produk-produk yang bernilai tinggi dan juga hasil teknik perladangan pintar.

35. YAB Dato' Sri Menteri Besar, potensi mengembangkan pertanian amat positif untuk melonjakkan KDNK negeri. Penggunaan tanah yang luas ini akan membuka peluang untuk komitmen transformasi sektor pertanian ke arah pertanian yang pintar.
36. Sebagai contoh, projek tenusu Pusat Penyelidikan dan Inovasi Lembu Muadzam Shah (MSCRIC) dan Pembangunan Ladang Nanas Bersepadu Rompin (RIPP) di bawah ECERDC telah menunjukkan potensi yang besar untuk diluaskan dalam Rancangan Malaysia Kedua Belas.
37. Dalam pembangunan ini, Negeri Pahang kini terletak pada landasan yang tepat untuk mencipta peluang pekerjaan baru yang berpendapatan tinggi. Oleh itu, tumpuan perlu diberikan untuk memberdaya generasi muda dan melahirkan tenaga kerja mahir yang memenuhi keperluan industri.
38. ECERDC sekali lagi telah menyediakan program *Empower ECER*, *Entrepreneur ECER*, dan *ECER Talent Enhancement Programme* (ETEP) sebagai platform pembangunan modal insan di mana sebanyak RM5.3 juta telah diberikan bagi melaksanakan program tersebut yang memberi manfaat kepada 5,000 peserta program.

39. Program *Empower ECER* dan *Entrepreneur ECER* akan diteruskan dalam Rancangan Malaysia Kedua Belas yang dijangka akan melibatkan seramai 60,000 peserta dari Negeri Pahang.
40. Saya juga ingin menyatakan komitmen Kementerian saya untuk terus membantu Negeri Pahang, terbukti sebagai contoh pada tahun 2019. Peruntukan Pembangunan (DE) untuk Negeri Pahang telahpun diluluskan sebanyak RM2.41 bilion iaitu peningkatan peruntukan sebanyak 13.3% berbanding tahun sebelumnya.
41. Ini membuktikan sekali lagi Kerajaan Persekutuan cukup komited untuk memastikan pembangunan merentasi wilayah ini dapat dilaksanakan secara bersungguh-sungguh. Kerana kita tidak mahu pembangunan hanya tertumpu di wilayah-wilayah tertentu sahaja seperti di Lembah Klang, Selangor atau Pulau Pinang tetapi Pahang juga berhak untuk mendapat pembangunan bagi memacu pertumbuhan dan menyumbang kepada KDNK negara.
42. Maka untuk peruntukan tahun-tahun yang akan datang, inilah tujuan kita adakan libat urus ini untuk melihat apakah keperluan Kerajaan Negeri Pahang dan dapat kita teliti dan

Insyallah walaupun kedudukan kewangan negara masih ketat tetapi ianya sudah beransur pulih.

43. Dan saya percaya dengan kedudukan yang ada pada hari ini, kita boleh menimbangkan permohonan-permohonan baru daripada Kerajaan Negeri Pahang untuk tahun 2020 dan untuk dimuatkan dalam Rancangan Malaysia Kedua Belas.
44. Akhir sekali saya ingin menegaskan bahawa kita tidak boleh “membangun sambil meruntuhkan”. Kerajaan Persekutuan bersama Kerajaan Negeri akan menjayakan usaha pemuliharaan alam sekitar dalam melaksanakan pembangunan yang mampan.
45. Justeru itu, libat urus dengan masyarakat setempat dan semua pemegang taruh perlu dilaksanakan di samping memastikan keupayaan pelabur dan agensi pemantau untuk melaksanakan *safety operating standard* yang tinggi.
46. Sudah tentulah di Pahang hari ini, isu yang hangat dibahaskan adalah isu Lynas. Kerajaan Persekutuan telah berbincang panjang hampir setahun dan semalam YB Menteri MESTECC telah membuat kenyataan rasmi bahawa

kita telah bersetuju untuk meneruskan projek ini dan melanjutkan tempoh setahun dan diberikan tempoh enam bulan kepada syarikat yang berkenaan untuk mengenalpasti tapak yang sesuai bagi menguruskan *waste* yang dikeluarkan.

47. Dan saya difahamkan Kerajaan Negeri bersedia untuk mematuhi apa-apa keputusan yang dibuat oleh Kerajaan Persekutuan dan menyelesaikan masalah ini. Kerana sekiranya kita gagal menangani isu ini dengan bertanggungjawab saya bimbang pelabur-pelabur tidak akan yakin untuk meletakkan pelaburan mereka dalam negara Malaysia umumnya.
48. Jadi saya berharap komunikasi strategik mengenai pelaksanaan projek pembangunan seperti ini perlu dilancarkan supaya mengelakkan salah faham pihak-pihak yang tertentu dan kita harus memberikan keyakinan kepada rakyat di samping manfaat ekonomi yang dibawa oleh pelaburan dalam projek-projek yang besar seperti ini.
49. Saya ingin mengambil peluang ini mengucapkan terima kasih kepada YAB Dato' Sri Haji Wan Rosdy, Menteri Besar Negeri Pahang dan Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan



Negeri yang terlibat dalam perbincangan pada pagi ini. Dan saya yakin wawasan dan falsafah Kemakmuran Bersama yang mendasari Rancangan Malaysia Kedua Belas akan memberikan keadilan kepada rakyat Negeri Pahang dan menjamin mereka agar sama bergerak dalam arus perdana pembangunan negara.

Terima kasih.